

Kenyataan PM bukan bersifat politik: Pak Lah

BH 16 AUG 2001

KUALA LUMPUR, Rabu - Kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pencapaian pelajar Melayu dan Bumiputera dalam bidang akademik bukan bersifat politik atau bertujuan mengkritik pelajar.

Sebaliknya, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata kenyataan itu sebenarnya lahir berikutan pencapaian pelajar Bumiputera ketika ini masih jauh ke belakang berbanding pelajar bukan Bumiputera.

Katanya, keadaan itu sungguh membimbangkan Perdana Menteri kerana pencapaian rendah pelajar Bumiputera bukan saja berlaku bagi mata pelajaran tertentu, tetapi hampir semua mata pelajaran.

"Ditambah pula masalah sosial yang mempengaruhi dan membawa kesan buruk kepada anak muda, yang terbabit dengan kegiatan tidak baik dan antisosial adalah anak-anak Melayu yang sebahagian besarnya masih belajar di sekolah menengah. Ini yang paling membimbangkan," katanya.

Beliau berucap pada majlis makan malam Persatuan Bekas Pelajar Sekolah Tuanku Abdul Rahman (Staroba), di sini malam ini.

Abdullah berkata, perkara itu perlu dipandang serius kerana Bumiputera sudah tentu tidak mahu ketinggalan berbanding kaum lain apabila Malaysia menjadi negara maju menjelang 2020.

Katanya, kenyataan Dr Mahathir serta pemimpin negara lain mengenai dasar meritokrasi dibuat bagi melihat pelajar Bumiputera menjadi pelajar bermutu dan mampu mencapai kecemerlangan akademik.

"Sebenarnya banyak tindakan perlu diambil (untuk mencapai hasrat itu). Meritokrasi hanya satu daripada banyak cara yang boleh dibuat daripada peringkat sekolah hingga peringkat tinggi," katanya.